


Dracunculiasis sukar dihapuskan

Apakah tindakan Ghana untuk membanteras penyakit yang disebabkan oleh cacing guinea ini?



MINA ABUKARI, 7, terpaksa mengerut dahi apabila seorang pekerja kesihatan mengeluarkan seekor cacing guinea daripada kakinya di sebuah pusat penyekatan di Savelugu, Ghana, baru-baru ini.

Perjuangan rakyat di negara itu untuk menghapuskan penyakit cacing guinea atau dracunculiasis kini berada pada peringkat terakhir yang paling sukar. Ia mungkin merupakan penyakit parasit yang terawal dibanteras tetapi adalah penyakit kedua selepas pembanterasannya penyakit cacar pada tahun 1979.

Sambutan ulang tahun kemerdekaan yang ke-50 pada 6 Mac lalu juga merupakan tempoh sasaran negara tersebut untuk menghapuskan transmisi penyakit dracunculiasis sepenuhnya.

Dalam usaha pembanterasannya penyakit itu, Ghana memberi tumpuan kepada janji-janji yang pernah dilafazkan ketika Program Pembasmian Cacing Guinea dimulakan pada Disember 1987. Perjanjian yang tidak menampakkan penurunan angka kes penyakit dalam tempoh 12 tahun lalu.


Sejak penilaian program tersebut di Atlanta pada Ogos 2006, kerajaan Ghana telah memberikan rawatan percuma kepada sesiapa yang menghidap penyakit itu di semua hospital dan klinik awam.

Keseriusan penyakit ini turut mengakibatkan darurat kesihatan awal diisytiharkan di wilayah utara dan menyebabkan pembukaan sejumlah pusat penyekatan sebagai alternatif kepada kemudahan-kemudahan kesihatan sedia ada.

Keadaan ini sekali gus meningkatkan tahap kesedaran awam mengenai penyakit dracunculiasis menerusi siaran media cetak dan elektronik serta bekalan air yang lebih baik di komuniti yang paling terjejas iaitu Savelugu (411 kes pada tahun 2006) dan perkampungan Diare (298 kes).

Sejumlah 4,132 kes dracunculiasis daripada 605 komuniti di Ghana dilaporkan sepanjang tahun 2006. Ini menampakkan pertambahan sebanyak empat peratus daripada sejumlah 3,981 kes yang dilaporkan di Ghana pada tahun sebelumnya.

Ghana kini merupakan tumpuan utama di Afrika Barat selepas Nigeria dalam usaha pembasmian penyakit ini.



ASSANA MOHAMMED mengerut dahi ketika diberi rawatan dalam usaha membasmi penyakit dracunculiasis.



KANAK-KANAK sering menjadi mangsa penyakit cacing guinea.



SEKOR cacing guinea ditarik keluar dari kaki seorang kanak-kanak.

DUA budak lelaki ini berdiri di atas belakang keldai selepas mengumpul air di empangan Dikunani di Savelugu, Ghana.

